

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-13**  
**Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar Al-Amsyari kali ke-97 di Surau Sg. Nyior**

**TINGKAT-TINGKAT WARA'**

Mengenai halal dan haram, maka menjaga diri dari yang haram adalah sebahagian dari agama. Tetapi wara' itu mempunyai empat tingkat:

**TINGKAT PERTAMA:** ialah penjagaan diri (wara') yang disyaratkan pada keadilan kesaksian. Iaitu bila penjagaan diri yang tersebut tidak ada, maka orang tidak boleh menjadi saksi, hakim dan wali. Penjagaan diri yang dimaksud ialah penjagaan diri dari perbuatan yang nyata haramnya.

**TINGKAT KEDUA :** ialah wara' orang-orang salih. Iaitu menjauhkan diri dari segala perbuatan syubhat, yang ada padanya kemungkinan-kemungkinan yang diragukan.

Bersabda Nabi saw: "**Tinggalkanlah yang meragukan untuk diambil yang tidak meragukan.**" (Turmizi, Nasa'i & Ibnu Hibban)

**TINGKAT KETIGA :** ialah wara' orang-orang yang taqwa (muttaqin). Iaitu meninggalkan perbuatan yang sebenarnya halal tetapi dikhuatiri terbawa kepada haram. Bersabda Nabi saw :

**"Tidaklah orang itu bernama orang taqwa sebelum ia meninggalkan sesuatu yang tak ada apa-apanya, kerana takut kepada yang ada apa-apanya."** (Turmizi, Ibnu Majah, Al-Hakim)

**TINGKAT KEEMPAT :** ialah wara' orang-orang siddiqin. Iaitu berpaling (meninggalkan) selain kepada Allah Taala, kerana takut terpakai meskipun sesat dari umur, kepada tidak mendatangkan faedah lebih pendekatan diri kepada Allah 'Azza wa Jalla, walaupun ia

tahu dan yakin bahawa perbuatan tersebut tidak membawa kepada haram.

Maka semua tingkat tadi adalah di luar daripada perhatian ahli fiqh, selain tingkat pertama iaitu mengenai pemeliharaan diri (wara' seseorang) saksi, hakim dan yang merosakkan ‘adalah (keadilan). Menegakkan wara’ yang sedemikian tidaklah meniadakan dosa di akhirat.

Ahli fiqh itu tidak memperkatakan tentang penyakit hati (jiwa) dan cara mengatasinya, tetapi yang ada (hanyalah) mengenai (hal-hal) yang merosakkan ‘adalah (keadilan) sahaja.

Jadi seluruh perhatian ahli fiqh adalah bersangkutan dengan dunia, yang dengan dunia itu ada perbaikan jalan akhirat.

Apabila sekiranya dia memperkatakan sesuatu dari sifat-sifat hati dan hukum akhirat, (itu) adalah termasuk dalam percakapannya secara sambil lalu. Sebagaiman kadang-kadang termasuk dalam percakapannya persoalan kedoktoran, kira-kira, ilmu bintang dan ilmu kalam. Dan sebagaimana termasuknya ilmu falsafah ke dlm tatabahasa & pantun.

Sufyan ath-Thauri , seorang pemuka (tokoh) ilmu zahir berkata :  
*“Sesungguhnya mempelajari ilmu ini (ilmu fiqh) tidaklah termasuk perbekalan akhirat.”*

Bagaimana? Telah sepakat para ahli bahawa kemuliaan pada ilmu itu ialah pelaksanaannya. Maka bagaimana dia menyangka dia mengajar hukum zihar (menyerupakan isteri dengan belakang ibunya), hukum li'an (mengutuk isteri), hukum as-salam (berjual beli benda yang belum dilihat oleh si pembeli, hanya diterangkan sifat-sifatnya sahaja oleh si penjual)), sewa-menyewa dan tukar-menukar wang?

Dan orang yang mempelajari hal-hal tersebut untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala, adalah gila. Sesungguhnya perbuatan itu adalah dengan hati dan anggota tubuh pada segala amal taat. Dan kemulian ialah amalan-amalan itu.

## **PERBEZAAN ILMU FIQH DENGAN ILMU KEDOKTORAN**

Kalau anda bertanya, mengapa aku tidak samakan antara ilmu fiqh dengan ilmu kedoktoran, kerana ilmu kedoktoran juga berhubungan dengan dunia, iaitu kesihatan badan? Dan itu bersangkutan pula dengan kebaikan agama. Dan penyamaan ini menyalahi ijma' umat Islam?

Ketahuilah, bahawa penyamaan itu tidaklah sesuai, bahkan terdapat perbezaan antara kedua2nya.

Ilmu fiqh itu lebih mulia daripada ilmu kedoktoran dari tiga segi:

1. Fiqh itu ilmu syariah, kerana ia diperolehi dari kenabian. Lain halnya dengan ilmu kedoktoran, ia tidaklah termasuk ilmu syariah.
2. Ilmu fiqh itu tidak dapat melepaskan diri sekali-kali oleh seseorang yang menuju ke jalan akhirat, baik dia sakit atau sihat. Sedangkan ilmu kedoktoran tidak diperlukan selain oleh orang sakit, dan orang sakit itu sedikit.
3. Ilmu fiqh itu berdampingan dengan ilmu jalan akhirat, kerana ia memandang pada amal perbuatan anggota tubuh. Sumber dan tempat terjadinya amal perbuatan anggota tubuh itu adalah perilaku hati (jiwa/kalbu). Dan tidak tersembunyi lagi akan hubungan antara anggota tubuh dengan hati itu.

Adapun sihat dan sakit, maka tempat terjadinya adalah bersih pada sifat badan dan percampuran. Dan itu adalah dari sifat2 tubuh, bukan dari sifat-sifat hati.

Maka manakala dihubungkan ilmu fiqh kepada ilmu kedoktoran, nescaya tampaklah kemulian ilmu fiqh itu. Dan apabila dihubungkan ilmu jalan ke akhirat kepada ilmu fiqh, maka tampaklah pula kelebihan ilmu jalan ke akhirat.

## **NABI MUHAMMAD SEORANG UMMIY**

**Benarkah Nabi Muhammad saw seorang yang ummiy, iaitu tidak tahu membaca dan menulis?**

Ya.

**Adakah sifat ummiy itu menunjukkan kelemahan buat diri Nabi saw?**

Tidak, bahkan ia suatu keistimewaan yang sangat luar biasa?

### **Mengapa begitu?**

Kerana jika Nabi Muhammad tahu menulis dan membaca, pasti ramai orang akan mengatakan Al Quran itu dikarang oleh Nabi Muhammad. Mereka akan menuduh Nabi Muhammad membaca kitab-kitab Yahudi dan Nasrani lalu meniru dan menyusunnya semula. Namun kerana Nabi Muhammad tidak boleh membaca dan menulis, ia menjadi salah satu bukti bahawa Al Quran itu tidak direka atau disusun semula oleh Nabi Muhammad, melainkan Al-Quran ialah wahyu daripada Allah SWT. Matilah hujah para penuduh itu.

**“Dan engkau (Muhammad) tidak pernah membaca sesuatu kitab sebelum (diturunkan Al-Quran), dan engkau tidak (pernah) menulis suatu kitab dengan tangan kananmu, sekiranya (engkau pernah membaca dan menulis), nescaya ragu orang-orang yang mengengkarinya.” (Al-‘Ankabut : 48)**

Selain itu, ilmu pengetahuan Rasulullah saw banyak datang terus daripada Tuhan melalui wahyu ataupun hikmah. Ringkasnya baginda

tidak perlu kepada membaca dan menulis kerana dirinya penuh dengan pelbagai ilmu walaupun tanpa melalui jalan membaca dan menulis. Orang yang boleh melintas sungai dengan berjalan di atas air, tidak perlulah kepada dia untuk mencari sampan dan mendayungnya.

### **Bukankah Nabi Muhammad kenal beberapa kalimat berhuruf, yang membawa maksud baginda boleh membaca?**

Kalimat-kalimat itu dikenalnya sebagai simbol, sebagaimana anak-anak kecil yang masih belum boleh membaca tahu maksud perkataan-perkataan tertentu, kerana mereka melihatnya sebagai simbol.

### **KEJADIAN MANUSIA DARIPADA TANAH**

**“Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar. Dan Dia menciptakan jin dari nyala api tanpa asap.” (Ar-Rahmaan : 14)**

Salsaal = tanah kering/ zat pembakar/ oksigen

Fakkhaar = zat arang/ karbon

**“Dan sungguh, Kami telah menciptakan manusia dari tanah liat kering dari lumpur yang diberi bentuk. Dan Kami telah menciptakan jin sebelum (itu) dari api yang sangat panas.” (Al-Hijr : 26-27)**

Salsaal = tanah kering/ zat pembakar/ oksigen

Hamaaim = lumpur hitam yang dibentuk/ nitrogen

**“Yang memperindah segala sesuatu yang Dia ciptakan dan yang memulakan penciptaan manusia daripada tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina (air mani).” (As-Sajdah : 7-8)**

Tiin = tanah/ atom zat air/ hydrogen

**“Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka daripada tanah liat.”**  
**(As-Saaffaat : 11)**

Tiin = tanah/ atom zat air/ hydrogen

Laazib = zat besi/ ferum

**“Dia menciptakannya daripada tanah.”** (Aali ‘Imraan : 59)

Turaab = zat-zat anorganik/ unsur-unsur zat asli dalam tanah

### **BAGAIMANA AGAMA ISLAM BOLEH TERPELIHARA BERBANDING AJARAN NABI ISA?**

1. Sahabat Nabi Muhammad terlalu ramai, sahabat Nabi Isa sedikit.
2. Nabi Muhammad dan sahabatnya memerintah, Nabi Isa dan hawarinya diperintah.
3. Islam disebarluaskan secara terbuka, ajaran Nabi Isa secara sembunyi-sembunyi.
4. Ribuan sahabat berkumpul di Madinah, pengikut Nabi Isa bertebaran dan bersembunyi.



